

SPN21 DIWAJIBKAN DI SEKOLAH KERAJAAN DAN SWASTA

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mac. - Sistem Pendidikan Negara Abad Ke 21 (SPN21) dimestikan untuk diikuti oleh sekolah-sekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan tetapi, dikecualikan bagi sekolah-sekolah antarabangsa yang mengikuti sistem pendidikan mereka sendiri.

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik,

Laporan :
Siti Zuraihah Awang Sulaiman

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas mengenai apakah SPN21 diwajibkan di sekolah kerajaan sahaja atau yang lainnya.

Pada perbahasan di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN di sini, Yang Berhormat menjelaskan, sekolah-sekolah swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendi-

dikan secara menyeluruh juga mengikuti sistem berkenaan di mana pihak kementerian juga memberi bantuan dalam bentuk latihan kepada guru-guru mereka seperti latihan yang diberikan kepada guru-guru sekolah kerajaan dan panduan-panduan buku-buku juga adalah disamakan.

Menjawab mengenai impak dan kesan-kesan pelaksanaan SPN21 kepada para penuntut, Yang Berhor-

mat Menteri Pendidikan menjelaskan secara spesifiknya, impak SPN21 secara khususnya belum dapat dilihat oleh kerana ia baru sahaja dilaksanakan mulai dari tahun lepas.

Secara menyeluruh jelas Yang Berhormat, impaknya hanya akan dapat dilihat apabila kod yang memasuki sekolah pada tahun lepas mencapai umur sehingga menempuhi peperiksaan 'O' level ataupun sehingga pembelajaran di tahun sepuluh atau sebelas.

Ke muka 8



“ Secara menyeluruh impaknya hanya akan dapat dilihat apabila kod yang memasuki sekolah pada tahun lepas mencapai umur sehingga menempuhi peperiksaan 'O' level ataupun sehingga pembelajaran di tahun sepuluh atau sebelas.”

- Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman

Penuhi syarat-syarat Akta Taraf Kebangsaan Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan menjelaskan bahawa mengikut perangkaan sejak tahun 1962 hingga tahun lalu penduduk tetap yang telah pun diperkenankan menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara lisan dan bertulis ialah 7,505 orang ini tertakluk kepada mereka yang berkenaan.

Yang Berhormat berkata, peluang-peluang diberikan tetapi mereka haruslah memenuhi kehendak dan syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Undang-Undang Akta Taraf Kebangsaan Brunei.

“Orang lain mengapa dapat memenuhi syarat-syarat tersebut. Apatah lagi orang yang terpelajar dan kalau mereka benar-benar untuk menjadi kerakyatan tidak ada halangan asalkan mereka ini memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei,” tegas Yang Berhormat.

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar, Abdullah Asgar
Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu ketika menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin sempena berlangsungnya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang disambungkan lagi di Bangunan MMN, di sini.

Kata Yang Berhormat, berhubung dengan kerakyatan, penduduk-penduduk tetap tahu mereka itu boleh memohon taraf kerakyatan, mereka tidak dilarang asalkan mereka ini memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei.

Yang Berhormat menjelaskan pada tahun 2009 saja sejumlah pemegang penduduk tetap er-tinya orang yang berkelayakan untuk memohon kerakyatan dan diperkenankan oleh

Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Bab 51 iaitu mereka yang lahir di negara ini dan mereka yang lahir di luar negeri telah dibenarkan, yang mereka ini dikehendaki secara bertulis ialah 210 orang dan 199 pada tahun 2000.

Dalam pada itu tambah Yang Berhormat, kelonggaran juga telah pun diberikan kepada mereka yang buta huruf yang tidak dapat menulis dan seumpamanya orang-orang tua diberikan kelonggaran untuk dikecualikan menduduki peperiksaan ujian bahasa Melayu yang dikelolakan oleh Lembaga Bahasa.

Menurut Yang Berhormat, jumlah yang telah diperkenankan dengan syarat-syarat yang telah pun dipenuhi termasuklah mereka ini diuji bahasa Melayu secara lisan telah pun diperkenankan oleh Kebawah DYMM pada tahun 2009 ialah 117 orang.

Berhubung dengan *Certificate of Identity* (CI) jelas Yang Berhormat, CI ini bagi pemerhatian adalah lum-

rah bukan sahaja Negara Brunei Darussalam mempunyai CI malah juga negara-negara lain di dunia ini mempunyai CI. Bagi mereka yang dikeluarkan bukannya warga negara berkenaan.

“Bagi membolehkan mereka ini menjalankan perjalanan keluar negeri dengan adanya dokumen perjalanan ini hanya akan dapat sah diterima oleh negara berkenaan. Jika sekiranya, *validity* dokumen perjalanan termasuklah passport-pasport antarabangsa, diplomatik, *official* mestilah validitinya tidak kurang daripada enam bulan dari tarikh sebelum mansuh dokumen-dokumen perjalanan tersebut,” jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, mereka ini tidak dibenarkan masuk oleh negara berkenaan kerana peraturan-peraturan antarabangsa yang menghendaki mereka ini mesti validiti passport tidak kurang daripada enam bulan daripada tarikh mansuh apa juga sebarang dokumen perjalanan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa di negara masing-masing.

Menjawab mengenai visa yang dikehendaki oleh Malaysia, Yang Berhormat menjelaskan ia sebenarnya adalah tertakluk kepada peraturan negara-negara berkenaan.

“Memanglah kitani secara *respority* mengecualikan visa kepada negara-negara berkenaan termasuklah Malaysia sehingga setakat ini Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara berkenaan yang dikecualikan visa adalah sebanyak 55 buah negara, kadangkala mereka ini hanya mengiktiraf pengecualian visa itu adalah bagi warga Negara Brunei Darussalam,” kata Yang Berhormat.

Mereka yang dikeluarkan passport antarabangsa ataupun pas diplomatik ataupun passport rasmi tambah Yang Berhormat, tertakluklah kepada negara berkenaan sama ada mereka ini menghendaki visa kepada orang yang berstatus penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

Walau macam manapun jelas Yang Berhormat, perkara seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mempunyai kesukaran kepada penduduk-penduduk tetap yang mempunyai CI untuk masuk ke Malaysia perkara ini akan diteliti dan akan diambil perhatian dan oleh pihak-pihak berkenaan dirundingkan untuk memudahkan perkara-perkara kesulitan yang dihadapi terutama sekali di kalangan *businessman of our permanent resident status of Brunei Darussalam*.

Bekalan tenaga cukup untuk permintaan dalam negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Mac. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud berkata, Negara Brunei Darussalam pada masa ini mempunyai bekalan tenaga yang cukup untuk menangani permintaan bagi kegunaan elektrik dalam negara.

Walau macam manapun, jelas Yang Berhormat Menteri Tenaga, keadaan pembangunan yang sedang pesat dijalankan dan banyak rumah-rumah yang akan didirikan serta permintaan industri yang mungkin akan ditubuhkan pada masa akan datang, maka kita mesti menyiapkan bekalan elektrik bagi memenuhi permintaan yang bertambah itu.

Yang Berhormat Menteri Tenaga menyatakan perkara tersebut ketika menjawab beberapa pertanyaan dari Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan tenaga elektrik di negara ini termasuk rancangan untuk membeli bekalan tenaga elektrik dari negara luar semasa perbahasan di Mesyuarat Pertama Dari

Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, di sini.

Jelas Yang Berhormat Menteri Tenaga, rancangan untuk mengimport ataupun mendatangkan tenaga elektrik dari negara jiran ini adalah untuk menentukan bahuwa kita mempunyai simpanan (*reserve*) tenaga yang boleh menampung keperluan-keperluan kita pada masa akan datang.

Dalam pada masa yang sama jelasnya, ia juga bertujuan untuk mengurangkan pengantungan kita kepada penajaan menggunakan gas yang mana perkara ini adalah satu kenyataan yang berlaku pada masa ini.

Yang Berhormat Menteri Tenaga berkata, kalau kita dapat mengurangkan penggunaan elektrik dari penajaan menggunakan gas ini dengan mengimport tenaga dari luar negeri, kita akan menggunakan atau menjual sumber gas ini kepada pasaran yang menawarkan harga yang lebih tinggi lagi dari apa yang kerajaan bayar kepada Syarikat Brunei Shell pada masa ini bagi penajaan kuasa.



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud ketika menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dalam hubungan ini, jelas Yang Berhormat Menteri Tenaga, dengan sendirinya kita akan mendapat keuntungan dari segi ekonomi untuk menambahkan hasil negara kita pada masa yang akan datang.

Semasa menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunus bin Mohd. Noh mengenai penggunaan *hydroelectricity*, Yang Berhormat Menteri Tenaga menjelaskan bahawa perkara itu sedang dalam penelitian pihak Ba-

hagian Tenaga.

Yang Berhormat Menteri Tenaga juga menjelaskan bahawa keadaan sungai-sungai dan tempat kemungkinan mengadakan *hydro-power* itu adalah terhad.

"Kita tidak mempunyai sungai-sungai yang besar dan panjang di negara ini, dan dalam keadaan terhad ini kita belum dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya," ujar Yang Berhormat Menteri Tenaga lagi.

Dalam hal ini, jelas

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Azmah Haji Ahad

"KITA tidak mempunyai sungai-sungai yang besar dan panjang di negara ini dan dalam keadaan terhad ini kita belum dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya."

- Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud

Yang Berhormat Menteri Tenaga, kita tidak menumpukan perhatian sepenuhnya kepada perkara itu, tetapi usaha-usaha sedang dibuat untuk meneliti jika terdapat kemungkinan, terutama sekali di Daerah Temburong.



Pengguna meter prabayar berjumlah 26 ribu

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Mac. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad berkata jumlah pengguna meter prabayar di negara ini berjumlah 26 ribu, manakala hasil kutipan dari meter prabayar ini berjumlah lebih kurang BND1.5 juta sebulan.

Yang Berhormat Menteri Tenaga menyatakan perkara tersebut semasa menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai penjaminan pengguna elektrik khususnya perbandingan antara sistem prabayar dengan sistem konvensional (bacaan meter), memandangkan pembayaran meter masa ini kurang tepat kerana hanya menggunakan anggaran pada setiap bulan.

Terdahulu Yang Berhormat Menteri Tenaga menerangkan bahawa konsep meter prabayar

ialah beli dulu kemudian pakai manakala cara konvensional pula pakai dulu kemudian bayar.

Dari segi penjaminan jelas Yang Berhormat Menteri Tenaga, konsep prabayar ini dapat mendidik pengguna dalam merancang pemakaian bekalan elektrik mengikut kemampuan mereka selain pengguna juga akan sentiasa berjimat dalam penggunaan elektrik untuk mengelakkan bekalan elektrik terputus.

Melalui sistem meter prabayar juga jelas Yang Berhormat Menteri Tenaga, isu anggaran atau salah bacaan tidak akan terjadi.

Manakala dalam menangani isu tunggakan, kaedah penggunaan meter prabayar ini sangat berkesan kerana tidak ada lagi masalah tunggakan dan seterusnya tidak memerlukan pembaca meter yang dapat digunakan untuk membuat pengawalan dan pemantauan penggunaan bekalan elektrik.

Belum ada rancangan swastakan perkhidmatan elektrik

Laporan : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Mac. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad berkata pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik belum merancang untuk menswastakan perkhidmatan elektrik pada masa yang terdekat ini.

Yang Berhormat Menteri Tenaga menjelaskan perkara itu semasa menjawab pertanyaan yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, sama ada kerajaan merancang untuk menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan bekalan elektrik dan air.

Sementara itu Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman

pula menjelaskan bahawa perkara tersebut tertakluk kepada *liability* ataupun *feasibility* bagi sesebuah cadangan ataupun proposal tersebut.

Pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Ne-



AHLI Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas ketika mengajukan soalan kepada Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad. - Foto : Azmah Haji Ahad.

"ANTARA objektif utama kerajaan melaksanakan perbadanan atau penswastakan (privatization) adalah bagi membolehkan sesuatu operasi atau agensi tersebut akan dapat ditadbir secara lebih efektif dan efisien sebagai operasi sesebuah entiti secara komersial."

- Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim

gara (MMN) itu, Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua pula menjelaskan bahawa antara objektif utama kerajaan melaksanakan perbadanan atau penswastakan (*privatization*) adalah bagi membolehkan sesuatu operasi atau agensi tersebut akan dapat ditadbir secara lebih efektif dan efisien sebagai operasi sesebuah entiti secara komersial.

"Ianya diberikan autonomi kewangan dengan prosedur kawalan dalaman yang kukuh dan bertanggungjawab kepada lembaga masing-masing. Dalam hubungan ini kerajaan sebagai pemilik atau pemegang saham kepada syarikat atau entiti berkenaan dan selaras juga dengan amalan korporat serta un-

dang-undang yang ditetapkan seperti dalam akta syarikat-syarikat," jelas Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua.

Apa jua keuntungan yang diperolehi syarikat-syarikat berkenaan, jelas Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, pihak kerajaan akan memperoleh pendapatan dari cukai pendapatan dan dividen sekiranya syarikat tersebut beroleh keuntungan.

Perolehan pendapatan selepas cukai selain dari dividen bukan saja tidak selaras dengan peruntukan undang-undang, ujar Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, tetapi juga mungkin boleh menjejaskan keutuhan sesebuah syarikat berkenaan.



BENTERA Dewan yang membawa Cokmar masuk ke Dewan Permesyuaratan sebelum mesyuarat dimulakan.



Dua pilihan diberikan kepada pesara

Laporan : Siti Zuraihah Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Mac. - Para pesara yang berusia 70 tahun ke atas dan kurang berupaya serta mempunyai masalah untuk datang sendiri ke Kementerian Kewangan diberi dua pilihan untuk menerima wang pencen mereka setiap bulan.

Pertama adalah melalui surat wakil di mana pesara boleh mewakili orang lain untuk mengambil wang pencen bulanan mereka dengan menggunakan borang wakil dan memberikan salinan

kad pengenalan pesara dan orang yang diwakili.

Kedua pula ialah pembayaran melalui bank di mana pesara yang berkehendakkan bayaran diterima dari bank boleh dipertimbangkan dengan syarat mereka mendapatkan surat pengakuan dari bank (*Bank Guarantee*) yang berseutu sekiranya pesara meninggal dunia, bayaran pencen yang telah dikreditkan dalam akaun pesara akan dikembalikan semula oleh bank kepada kerajaan.

Perkara ini dijelaskan Pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN di Bangunan Dewan Majlis oleh Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin berhubung dengan pembayaran pencen

“ PARA pesara yang berusia 70 tahun ke atas dan kurang berupaya serta mempunyai masalah untuk datang sendiri ke Kementerian Kewangan diberi dua pilihan untuk menerima wang pencen mereka setiap bulan. ”

- Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman

kepada para pesara yang berusia 70 tahun ke atas dan kurang berupaya.

Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa telah mencadangkan supaya pencen mereka itu terus dibayar melalui bank dengan

jaminan anak-anak pesara dan pengesahan bank bahawa yang berkenaan atau seseorang pesara itu masih hidup ataupun dibuka cawangan-cawangan atau pusat-pusat sementara di kawasan-kawasan yang ramai pesara berumur 70 tahun ke atas



MENTERI Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim ketika di Majlis Mesyuarat Negara.

selama seminggu setiap bulan untuk membolehkan pesara-pesara itu menerima pencen mereka pada hari-hari yang ditetapkan.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua menjawab ketika ini sudah ada cawangan di luar daerah bagi pembaya-

ran wang pencen iaitu Jabatan Perbendaharaan di Daerah Belait dan Tutong.

Walau bagaimanapun jelas Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, perkara ini akan diteliti lagi mengenai dengan keperluan dan keutamaannya nanti.

Kementerian Kewangan belum bercadang mengadakan Skim Pelaburan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Mac. - Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata Kementerian Kewangan ketika ini belum lagi mempunyai perancangan untuk mengadakan Skim Pelaburan seperti Skim Cepat Kaya yang dicadangkan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua menjelaskan perkara ini ketika menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor sekiranya ada perancangan Kementerian Kewangan untuk mewujudkan skim-skim yang tertentu dalam bentuk pelaburan yang boleh disertai oleh seluruh rakyat di negara ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, bagi membolehkan orang ramai membuat pilihan pelaburan yang mencukupi, Kementerian Kewangan telah dan akan terus berusaha untuk melaksanakan tindakan-tindakan antaranya menggalakkan dan memberikan kemudahan kepada sektor-sektor swasta seperti bank-bank (konvensional dan Islam), Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei serta syarikat-syarikat insurans dan takaful serta institusi-institusi kewangan yang lain di negara ini untuk lebih aktif dan kreatif dalam menawarkan pro-

duk-produk pelaburan dalam mempelbagai-pilkan pilihan pelaburan kepada orang ramai.

Selain itu, tambah Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Kementerian Kewangan akan terus mengeluarkan lesen kepada penasihat pelaburan yang bertaraf antarabangsa bagi membantu pelabur-pelabur membuat pelaburan yang bersesuaian menurut selera risiko (*Risk Appetite*) masing-masing dan pihak kerajaan melalui Jerayawara Perancangan Kewangan juga akan menggalakkan supaya orang ramai lebih peka dan berwaspada dalam membuat pelaburan dan hanya melabur melalui bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang berlesen.

Dalam masa yang sama jelas Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, kerajaan juga telah menggalakkan supaya ahli-ahli Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Caruman Persaraan (SCP) membuat caruman tambahan secara sukarela bagi menambah persediaan apabila bersara nanti.

Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua turut menekankan dan mengingatkan bahawa produk-produk pelaburan yang sebenar yang ditawarkan oleh institusi kewangan menawarkan pulangan yang lebih berpatutan berbanding dengan apa yang ditawarkan oleh Skim Cepat Kaya.

Terdahulu Yang Ber-

“ KERAJAAN perlu menampung komitmen sebanyak BND120 juta setahun dalam pemberian Elaun Kurnia Khas kepada kakitangan kerajaan yang berjumlah seramai 72 ribu pekerja dan jika dilaratkan lagi ke sektor swasta yang mempunyai pekerja seramai lebih dari 60 ribu orang dengan sendirinya kerajaan akan menampung dua kali ganda lagi daripada jumlah tersebut. ”

- Menteri Kewangan Kedua

hormat Menteri Kewangan Kedua menjelaskan, Kementerian Kewangan akan sentiasa memantau pasaran kewangan di negara ini bagi memastikan tiada syarikat-syarikat yang mengendalikan aktiviti-aktiviti dan menawarkan Skim Cepat Kaya atau skim pelaburan yang tidak berlesen dengan memberikan pulangan yang tidak munasabah di negara ini.

Dalam hal ini jelasnya, Kementerian Kewangan akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak yang berke-

naan terutama dalam mengambil tindakan yang tertentu.

Salah satu tindakan yang berterusan yang sedang giat dilaksanakan kata Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua ialah untuk memberikan kesedaran awam (*public awareness*) dan pendidikan pada orang ramai mengenai pelaburan iaitu dengan mengadakan jerayawara, ceramah dan taklimat untuk memberikan kesedaran dan kefahaman kepada para pelabur supaya tidak terjerumus dalam Skim-skim Cepat Kaya dan sebagainya.

Menurutnya, usaha ini telah dikendalikan bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk pihak Polis Diraja Brunei, Pejabat Peguam Negara, Pejabat Daerah di seluruh daerah, Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan.

Sementara itu, menjawab perkara yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Bakar mengenai pemberian Elaun Kurnia Khas kepada para pekerja swasta, Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua menjelaskan bahawa elaun berkenaan adalah pemberian khusus untuk pegawai dan kakitangan kerajaan.

Kerajaan tambahnya perlu menampung komitmen sebanyak BND120 juta setahun dalam pemberian Elaun Kurnia Khas kepada kakitangan kerajaan yang berjumlah seramai 72 ribu pekerja dan jika dilaratkan lagi ke sektor swasta yang mempunyai pekerja seramai lebih dari 60 ribu orang dengan sendirinya kerajaan akan menampung dua kali ganda lagi daripada jumlah tersebut.

Perkara ini mungkin akan menarik para pekerja ke sektor swasta, tetapi kesan jangka panjangnya adalah tidak berdaya tahan bagi kerajaan, jelasnya.



AHLI Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Jumlah 5 atau 8 peratus yang dikenakan merupakan bayaran minimum

Laporan : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Mac. - Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menjelaskan jumlah 5 peratus dan 8 peratus yang dikenakan kepada para pemegang kad kredit bukan merupakan bayaran yang dikenakan (*charges*) ke atas mereka sebaliknya ia merupakan pembayaran minimum (*minima payment*) yang perlu dibayar oleh mereka.

Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua menjelaskan perkara itu ketika menjawab isu berhubung kad kredit yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad di mana menurut Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee mengenai bayaran yang dikenakan itu adalah keterlaluan bagi kebanyakan pemegang kad kredit.

Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua seterusnya menjelaskan, jika pemegang kad kredit yang berhutang BND10 ribu membuat pembayaran minimum 5 peratus maka hutangnya akan lunas dalam tempoh 3 tahun dengan faedah sebanyak BND3 ribu, manaka jika dinaikkan 8 peratus hutang lunas dalam tempoh 18 bulan dengan faedah hanya BND2 ribu.

Kajian mengenai isu kad kredit, jelas Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, telah dilakukan sejak hampir satu tahun manakala Kementerian Kewangan juga telah membuat pemantauan dari tahun 2005.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee juga mengajukan soalan mengenai pilihan bagi kaum wanita sama ada mereka ingin melanjutkan perkhidmatan atau sebaliknya dan adakah simpanan Tabung Amanah Pekerja (TAP) dapat dikeluarkan ketika usia mereka menjangkau 55 tahun.

Menjawab pertanyaan itu, Yang Berhormat Menteri Kewangan kedua menjelaskan perkara itu perlu dihadapi kepada Lembaga Skim berkenaan.

Inisiatif pengiktirafan syarikat ICT diluluskan

“INISIATIF pengiktirafan syarikat-syarikat ICT ini bermaksud hanya syarikat-syarikat ICT yang mempunyai taraf ICT Aggregated Business saja yang akan dapat memasuki atau menyertai tender-tender kerajaan.”

**- Menteri Perhubungan,
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang
Abu Bakar bin Haji Apong**

**Laporan : Abu Bakar
Haji Abdul Rahman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Mac. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, baru-baru ini kerajaan telah meluluskan satu inisiatif yang digelar inisiatif pengiktirafan syarikat-syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Inisiatif pengiktirafan syarikat-syarikat ICT ini katanya bermaksud hanya syarikat-syarikat ICT yang mempunyai taraf

ICT Aggregated Business saja yang akan dapat memasuki atau menyertai tender-tender kerajaan.

Ini jelasnya, adalah bagi memastikan bahawa orang-orang yang mendapat tender itu benar-benar mempunyai kemampuan (*capability*) bukan sahaja dari segi kewangan, tetapi juga tenaga untuk melaksanakan projek-projek kerajaan.

Menteri Perhubungan mengongsikan perkara tersebut semasa



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika memberikan penjelasan kepada soalan-soalan yang dikemukakan mengenai beberapa isu berkaitan dengan Projek-projek e-Kerajaan.

sa memberikan penjelasan kepada soalan-soalan yang dikemukakan mengenai beberapa isu berkaitan dengan projek-projek e-Kerajaan yang lambat pelaksanaannya pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di sini.

Selain dari itu Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa kerajaan baru-baru ini juga telah meluluskan dasar hala tuju ICT yang berkaitan dengan bagaimana mengembangkan industri tersebut.

Dalam hubungan ini katanya, sebanyak em-

pat hala tuju telah diluluskan.

Satu daripadanya, ujar Yang Berhormat Menteri Perhubungan, ialah memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat ICT yang mempunyai status *AiTi Accredited Business* atau AB untuk menyertai Projek-projek ICT Kerajaan.

Manakala hala tuju kedua jelasnya ialah menggalakkan pembangunan produk-produk atau komponen - komponen buatan Brunei dengan menjadikannya satu keutamaan bagi syarikat-syarikat yang menjalankan Projek ICT Kerajaan dan yang ketiga ialah menggalakkan *out-sourcing* bagi Projek-projek ICT Kerajaan yang terpilih dan sektor swasta mengadakan *public private partnership*.

Hala tuju yang keempat, tambah Yang Berhormat Menteri Perhubungan, adalah bagi menjadikan syarikat *multinational* atau MNC, mengambil peranan sebagai mentor kepada syarikat-syarikat ICT kongsi sama tempatan sebagai salah satu syarat

semasa memenangi Projek ICT Kerajaan yang terpilih.

YB berharap dengan adanya hala tuju dasar ini nanti akan dapat membantu memperkembangkan pengusaha kecil dan sederhana ICT di negara ini.



Hampir BND512 juta anggaran perbelanjaan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2010/2011

**Laporan : Dk. Hajah
Fatimah Pg. Haji Md. Noor**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Mac. - Anggaran perbelanjaan Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun Kewangan 2010/2011 adalah sebanyak BND511,983,000.

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin bin Haji Umar ketika menyampaikan mengenai usul anggaran perbelanjaan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2010/2011 di hari ketiga Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Majlis di Jalan Kebangsaan di sini menjelaskan, jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 0.7 peratus daripada anggaran peruntukan yang diluluskan pada tahun lepas.

Bagi Kategori Perbelanjaan Pembayaran Gaji, tegas Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, terdapat penambahan sebanyak BND8.4 juta (2.99 peratus) berbanding tahun lepas. Ini disebabkan kenaikan gaji tahunan (*increment*) dan penambahan bilangan kakitangan tentera dan juga pengisian jawatan-jawatan kosong yang ada pada masa ini.

Sementara itu, bagi Kategori Perbelanjaan Lain-lain Belanja Tahunan Yang Berulang-ulang berkurangan sebanyak BND6.2 juta (3.6 peratus). Pengurangan ini adalah bagi menyahut hasrat negara untuk lebih cermat membelanjakan wang kerajaan tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan.

Timbalan Menteri Pertahanan juga menjelaskan di antara penyumbang utama bagi pengurangan ini adalah pelaksanaan beberapa kursus, yang sebelum ini diikuti di luar negeri, secara tempatan seperti Program Perkembangan Eksekutif, Kursus Pegawai Kadet, Kursus Staf Rendah dan yang akan datang Kursus *Command and Staff* masing-masing telah dan akan dilaksanakan secara tempatan. Pengiktirafan kualiti kursus-kursus tersebut telah terbukti dengan penyertaan daripada pegawai-pegawai daripada beberapa negara ASEAN, Republik Rakyat China dan yang akan datang, Oman.

Selain itu, pengenalan kaedah *outsourcing* dalam pelaksanaan tugas-tugas bukan utama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) juga, kata Yang Berhormat, telah berjaya mengurangkan perbelanjaan tahunan kementerian. Pada masa ini kaedah *outsourcing* juga telah dilaratkan kepada perkhidmatan pemeliharaan.

Sehubungan itu, sukacita juga dimaklumkan bahawa pada masa ini, kementerian sedang menjalankan Performance Budgeting di Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), yang akan turut dilaratkan ke Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) serta semua Jabatanarah di Kementerian Pertahanan. Hasil penelitian ini nanti akan dijadikan panduan untuk mengambil tindakan-tindakan pembaikan, meningkatkan *cost-effectiveness* dan mengelakkan pembaziran yang insya-Allah akan membawa kepada lebih banyak penjimatan.

Manakala itu, bagi Kategori Perbelanjaan Lain-lain Pembayaran Perbelanjaan Khas meningkat sebanyak BND1.3 juta (2.38 peratus). Peningkatan ini adalah dihasratkan untuk menambatkan keupayaan ABDB, di antaranya termasuk pelaksanaan penyelidikan ke atas keupayaan terkini, pelaksanaan C4ISR, penggantian aset-aset kecil seperti kenderaan dan sebagainya.

Ke muka 7

Berbagai langkah dilaksanakan tangani tunggakan hutang

**Laporan : Abu Bakar
Haji Abdul Rahman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Mac. - Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menyatakan berbagai langkah dan sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam menangani masalah tunggakan hutang pengguna elektrik.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut semasa merespons soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Dewan Persidangan MMN, di sini.

Pada mesyuarat tersebut Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa secara keseluruhan kerajaan terdapat dua kategori tunggakan.

Pertama ialah tunggakan yang dikenakan kepada agensi-agensi kerajaan oleh agensi-agensi pemberi per-



MENTERI Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman di Majlis Mesyuarat Negara.

khidmatan seperti air, tenaga elektrik dan telefon, manakala yang kedua ialah tunggakan orang ramai kepada agensi-agensi kerajaan.

Menyentuh tunggakan agensi-agensi kerajaan, menurut Yang Berhormat agensi-agensi tersebut telah diminta oleh Kementerian Kewangan untuk meluluskan mana-mana tunggakan tersebut dan sekiranya bajet bagi perkara itu tidak mencukupi maka agensi-agensi tersebut diminta untuk memohon bajet tambahan.

Tambah Yang Berhor-

mat, pada Tahun Kewangan 2007/2008 sejumlah kira-kira BND180 juta bajet tambahan telah pun diluluskan bagi tujuan melunaskan tunggakan-tunggakan dari agensi-agensi kerajaan.

Mengenai tunggakan orang ramai Yang Berhormat menyatakan, kebanyakannya adalah perkhidmatan-perkhidmatan asas seperti air dan tenaga elektrik sehingga kepada pembayaran perumahan, cukai pendapatan korporat, cukai pintu dan lain-lain.

Dalam hal ini ujarnya

lagi, pihak kerajaan melalui Jabatan Perbendaharaan secara berterusan memantau kutipan hasil yang telah dilaksanakan oleh kerajaan itu.

“Kutipan hasil ini sentiasa diperkukuhkan dan agensi-agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan kutipan hasil sentiasa diberikan penekanan untuk membuat kutipan hasil dalam tempoh yang telah ditetapkan,” jelas Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua.

Yang Berhormat juga menerangkan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan pada masa ini untuk menangani perkara tersebut seperti menubuhkan jawatankuasa bagi menangani masalah tunggakan hasil yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, membuat pengiraan secara bersurat atau berjumpa dan dipanggil berbincang selain menyediakan laporan untuk dihadapkan kepada pihak Peguam Negara bagi tindakan undang-undang.

Dalam menangani masalah ini tambah Yang Berhormat, kerajaan juga melaksanakan bayaran hutang

secara ansur; Memotong gaji orang yang berhutang atau penjamin dan baksis orang yang berhutang; Memotong hutang melalui potongan deposit seperti telefon dan sebagainya; Memberhentikan kemudahan yang ada dengan tidak menyambung apa-apa jua lesen dan permit serta mengehadkan operasinya.

Selain dari itu ujar Yang Berhormat, kerajaan juga mengemaskan lagi Bahagian Pengurusan dengan menubuhkan Unit Bahagian Kutipan Hasil dan melatih pegawai dan kakitangan di bahagian tersebut termasuk menggunakan sistem komputer dan perisian yang lebih berkesan.

Di samping itu kata Yang Berhormat, pihaknya juga mereviu balik perjanjian - perjanjian misalnya perjanjian rumah sewa dan sebagainya yang sekiranya terdapat ada hutang-hutang dari orang-orang yang punya rumah sewa maka kerajaan akan dibolehkan untuk memotong dari sewa-sewa rumah tersebut selain menubuhkan jawatankuasa atau pengurusan menangani tunggakan hasil.

Kemungkinan Tamu Sungai Kianggeh akan dipindahkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui jabatan-jabatan di bawahnya akan meneliti dan memikirkan kepentingan orang ramai sebagai usahanya untuk memeduli dan mengelilingi keluhan-keluhan yang diluahkan.

Jaminan ini diluahkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan ketika menjawab beberapa usulan dan persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Majlis Yang Dilantik Mewakili Daerah-Daerah sempena berlangsungnya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang disambungkan lagi di Bangunan MMN, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kemungkinan mereka yang berniaga di kawasan Tamu Sungai Kianggeh akan dipindahkan ke suatu kawasan yang difikirkan berseesuaian dari aspek positif dan negatifnya.

"Pihak kementeriannya melalui Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan akan meneliti sepenuhnya tentang kesesuaiannya. Dan daripada aspek positif dan negatifnya tentang kehendak orang-orang



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan ketika menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

yang berniaga di tamu itu," ujar Yang Berhormat.

Berhubung dengan pekerja-pekerja buruh bergaji hari tambah Yang Berhormat, memanglah Jabatan Buruh mempunyai peraturan-peraturan yang telah ditentukan, sama ada mereka ini

berhak untuk dinaikkan gaji tahunan dan seumpamanya dan begitu juga dengan bayaran lebih masa.

"Saya percaya perkara ini akan diambil perhatian dan insya-Allah. Oleh sebab pada masa ini saya tidaklah ada maklumat maklumat untuk membe-

"PIHAK kementeriannya melalui Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan akan meneliti sepenuhnya tentang kesesuaiannya. Dan daripada aspek positif dan negatifnya tentang kehendak orang-orang yang berniaga di tamu itu."

- Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan

rikan penjelasan yang sebenarnya, perkara ini akan diselidiki dan diteliti oleh pihak yang berkenaan nanti, insya-Allah," jelas Yang Berhormat.

Dalam hal letak kereta kata Yang Berhormat, Jabatan Bandaran maklum memanglah satu masalah dan juga kawasan-kawasan letak kereta memang telah pun disediakan di kawasan Bandar Seri Begawan. Manakala ada tempoh-tempoh tertentu, bayaran tidak

**Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Azmah Haji Ahad**

dikehendaki terutama sekali selepas jam 5.00 petang atau 6.00 petang. Jadinya di sini, masalah peletakan kereta ini memanglah terletak kepada kebijaksanaan masing-masing dan waktu-waktu yang tertentu di mana mereka ini akan meletakkan kereta.

"Adalah menjadi satu kesukaran jika kitani hendak membezakan orang yang akan ke Temburong ataupun orang dari Temburong ke Bandar Seri Begawan. Salah satu daripada pandangan saya, gunakanlah kebijaksanaan kitani untuk meletakkan kereta kitani, berapa lama kitani akan meletakkan kereta tersebut dan kalau sekiranya usaha kitani untuk menghindarkan supaya tidak dikenakan bayaran maka letakkanlah kereta di tempat-tempat yang tertentu yang tidak dikenakan bayaran," jelas Yang Berhormat.

Walau macam manapun kata Yang Berhormat, perkara ini diambil perhatian dan akan diteliti sehalus-halusnya tentang masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Sementara itu ketika menjawab persoalan pasar baru yang sedang

dalam pembinaan di Kuala Belait, Yang Berhormat menjelaskan pada masa ini dalam proses pembinaannya dan Insya-Allah ianya akan dapat diselesaikan dalam penghujung tahun ini.

"Kemudahan - kemudahan di sana memanglah kemudahan-kemudahan seperti yang kitani maklum sebuah pasar bukan saja untuk menjual sayur, ikan, daging dan seumpamanya. Ia juga boleh dimanfaatkan untuk kafe dan seumpamanya yang kitani fikirkan bersesuaian dalam bersama-sama menggalakkan terutama sekali anak-anak tempatan berkecimpung dalam hal ehwal perniagaan. Ini tertaklukkan kepada kesesuaian untuk dimanfaatkan oleh masyarakat," ujarnya.

Berhubung dengan perkara lain yang ditimbulkan ialah tentang tambahan peruntukan bagi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria. Memanglah akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi memajukan dan juga untuk diambil perhatian bagi keselesaan,



kesejahteraan, kebajikan masyarakat di Daerah Belait khususnya dan umumnya bagi Negara Brunei Darussalam, persoalan telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Manakala itu Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha telah menyoalkan bangunan hospital lama Tutong.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman menjelaskan, bangunan lama itu tetap akan diroboh dan dipohonkan untuk dijadikan sebagai tapak *National Isolation Centre* (Pusat Pengasingan Kebangsaan) yang akan ditempatkan di daerah itu.

Cukai 'assesment' secara menyeluruh akan dikenakan

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mac. - Kawasan-kawasan yang baru di Bandar Seri Begawan terutama sekali bangunan-bangunan komersial dan bangunan-bangunan yang disewakan akan dikenakan cukai *assesment* secara menyeluruh termasuklah rumah-rumah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan berkata cukai yang telah bermu-

la pada 1 April 2009 itu dikenakan ke semua bangunan-bangunan yang termasuk dalam kawasan bandaran yang telah diperluaskan.

"Insya-Allah perkara ini secara perlahan-lahan mengikut kumpulan-kumpulan akan menyeluruh dikenakan *assesment* kepada bangunan-bangunan komersial termasuklah rumah-rumah atau pun bangunan-bangunan yang disewakan," jelas Yang Berhormat ketika

menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin dalam perbincangan di Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara hari ini yang berlangsung di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara Dewan Majlis di sini.

Menyentuh mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh masyarakat peniaga di negara ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, Yang Berhor-

mat menjelaskan, dalam menentukan *rate* atau kadar-kadar bayaran yang telah ditentukan adalah menjadi tanggungjawab pemilik untuk mengemukakan perkara-perkara yang mereka sendiri memberikan *'provide services'* atau pun memberikan perkhidmatan.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa sekiranya mereka membersihkan kawasan-kawasan dan sampah dan seumpamanya mereka boleh mengemukakan dan berunding dengan pihak Lembaga Bandaran.

Perkara itu, kata Yang

Berhormat, telah pun diambil perhatian kepada sebilangan pemilik-pemilik tersebut supaya *rate* untuk perkhidmatan tersebut dikecualikan kerana mereka sendiri yang mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut yang mustahak sekali ialah maklumat-maklumat itu hendaklah disampaikan kepada pihak yang berkenaan supaya mereka ini dapat dikecualikan perkhidmatan-perkhidmatan setelah di teliti dan di periksa oleh pihak-pihak yang berkuasa untuk mengenakan *rate-rate* atau pun kadar-kadar cukai kepada pemilik-pemilik pengguna berkenaan.

Ralat

TERDAPAT pembetulan pada berita yang bertajuk *'Pendidikan sekolah praagama menjadi kemestian apabila akta undang-undang diluluskan'* dalam Laporan Khas Sempena Majlis Mesyuarat Negara (MMN) keluaran 17 Mac 2010 muka 4.

Para pertama hendaklah dibaca, *"Pendidikan sekolah Pra Ugama di negara ini akan menjadi Wajib sebaik sahaja Akta yang digelar sebagai 'Perintah Pendidikan Ugama' diluluskan. Draf Akta tersebut telah pun selesai bagi penyemakan pertama dan pada masa ini penyemakan kali kedua sedang dijalankan oleh Pejabat Peguam Negara bersama pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama. Akta ini tidak jauh bezanya dengan 'Perintah Pendidikan' Kementerian Pendidikan".*

Sementara itu pada para ketiga hendaklah dibaca, *"Sementara itu pendidikan ugama (IRK) juga diajarkan di peringkat persekolahan umum yang dikenali sebagai Pengetahuan Ugama Islam (IRK). Mata pelajaran ini dipelajari dari peringkat sekolah rendah hingga ke pengajian tinggi".*

Bagi para lapan hendaklah dibaca, *"Menurut Yang Berhormat, keramaian pelajar yang dikirakan akan memasuki kelas prasekolah ugama tahun 2010 ialah*

seramai 5,300 orang, iaitu pelajar Tahun 1 sekolah-sekolah rendah pada tahun 2009. Berdasarkan borang-borang yang diterima didapati seramai 4,960 orang murid telah mendaftar memasuki kelas pra sekolah ugama tahun 2010. Seramai 340 orang murid yang belum mendaftar itu, ibu bapa murid telah dihubungi. Hasilnya, pada 13 Januari 2010, jumlah murid yang mendaftar masuk ke sekolah-sekolah ugama bagi mengikuti kelas Pra ialah 5,695 orang iaitu 5,590 pelajar Islam dan seramai 105 orang murid bukan beragama Islam.

Untuk maklumat Dewan bahawa berdasarkan statistik keramaian murid sekolah ugama bagi tahun 2009 seramai 39,902 orang, manakala keramaian murid sekolah ugama seluruh negara bagi tahun 2010 sehingga 31 Januari ialah 41,006 orang iaitu peningkatan sebanyak 1,104 orang.

Manakala bagi para sembilan hendaklah dibaca, *"Pengarah Pengajian Islam seterusnya menyatakan, jika undang-undang dan akta itu diluluskan nanti mana-mana ibu bapa yang gagal mendaftarkan anak-anak mereka masuk ke darjah Pra Ugama boleh diambil tindakan undang-undang".* - **Penyunting.**

Dari muka 6

Dalam pelaksanaan projek projek peningkatan keupayaan tentera ini, katanya, Kementerian Pertahanan akan sebolehnya memastikan bahawa manfaat akan turut dapat dirasai oleh sektor-sektor lain, khususnya sektor ekonomi dan sosial. Salah satu cara adalah dengan menekankan impak *spin-off* iaitu pulangan kepada ekonomi negara daripada aktiviti-aktiviti perolehan.

Di dalam projek perolehan terkini kementerian berkenaan misalannya, iaitu perolehan sistem C4ISR yang baru ditan-datangani pada Januari lepas, pelaksanaannya akan melibatkan beberapa kompeni tempatan (*incubatees*) daripada *i-Centre* di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB). Selain itu, bagi beberapa projek

lain Kementerian Pertahanan, kaedah *Public-Private Partnership* (PPP) insya-Allah akan dilaksanakan juga sebagai salah satu inisiatif proaktif Kementerian Pertahanan untuk melibatkan sektor swasta.

"Alhamdulillah, Belanjawan Tahun 2010 / 2011 akan menyaksikan lebih banyak fleksibiliti diberikan kepada Kementerian Pertahanan dalam menguruskan kewangannya. Ini di antara lain melalui pengenalan *Semi-Block Budgeting*, iaitu dengan mencantumkan akaun-akaun kecil kepada yang lebih besar jumlahnya dan lebih am (*general*). Ini akan memberikan kementerian ini fleksibiliti selaras dengan keperluan semasa," ujar Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan lagi.

Walau bagaimanapun, kementeriannya akan memastikan

corporate governance dan accountability setiap pegawai akan sentiasa dipantau. Ini termasuklah, pengukuhan audit dalaman dan pemantauan kerap ke atas *Key Performance Indicators* (KPI) setiap perkhidmatan.

Dengan peruntukan ini, Kementerian Pertahanan akan terus berusaha menjalankan peranan-peranan yang diamalkan dengan sebaiknya yang meliputi pelaksanaan dasar pertahanan, peningkatan keupayaan tentera, mempromosikan diplomasi pertahanan dan pada waktu yang sama menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan juga menyentuh khusus dari segi pelaksanaan usaha-usaha mempromosi diplomasi pertahanan, selain meneruskan hubungan

baik dan kerjasama dengan negara-negara sahabat, salah satu peningkatan yang ketara pada masa ini adalah penglibatan ABDB di dalam misi-misi antarabangsa di Republik Filipina dan Lebanon. Ini bukan sahaja merupakan satu usaha diplomasi, bahkan juga merupakan satu pendedahan (*exposure*) bagi anggota yang terlibat dan sudah tentunya akan meningkatkan kredibiliti ABDB.

Kementerian Pertahanan katanya yakin akan mampu menjalankan peranan-peranannya bagi mencapai visi ABDB untuk menjadi sebuah angkatan tentera yang robust, responsive dan resource efficient bagi seterusnya menjalankan misi untuk mempertahankan kedaulatan negara, integriti wilayah, dan menegakkan perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Daerah Temburong akan mempunyai sebuah sekolah teknikal/vokasional



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Laporan :
Siti Zuraiyah
Awang Sulaiman

“PENGAJIAN akan dapat dibuat menurut kesesuaian daerah itu sendiri seperti Daerah Temburong yang kaya dengan ekosistemnya.”

- Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mac. - Daerah Temburong akan mempunyai sebuah sekolah teknikal / vokasional pada suatu masa yang ditentukan nanti berdasarkan kepada perancangan jangka panjang Kementerian Pendidikan.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menjelaskan demikian ketika membahaskan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Dilantik mewakili Daerah Temburong, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad

pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Dewan Persidangan MMN, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan, jika dilihat dari jangka panjang, Daerah Temburong hanya memerlukan sebuah sekolah menengah sahaja di mana sekolah menengah yang dicadangkan itu akan dibangunkan di suatu kawasan yang lebih sesuai iaitu di Kampong Rataie.

Sekolah Menengah yang akan dibangunkan itu nanti boleh menampung kerafian penuntut sebanyak 1200 orang, jelasnya.

Sementara itu jelas Yang Berhormat, seko-

lah menengah yang ada sekarang akan dijadikan sebagai sebuah sekolah teknikal dan vokasional kerana difikirkan lebih sesuai daripada membangun dua buah sekolah menengah.

Pengajian katanya, akan dapat dibuat menurut kesesuaian daerah itu sendiri seperti Daerah Temburong yang kaya dengan ekosistemnya.

Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad seterusnya mengajukan persoalan sekiranya harga buku persekolahan pelajar akan dapat di kurangkan sedikit memandang keluhan yang didengar daripada para ibu bapa yang dari golongan berpendapatan rendah.



Menjawab persoalan itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan perkara tersebut memang di dalam kajian Kementerian Pendidikan ketika ini dan beberapa andaian telah pun dibuat selain pengiraan kos perbelanjaan.

“Insya-Allah, perkara seperti ini akan dapat kitani usahakan dengan baiknya menjelang penghujung tahun ini,” jelas Yang Berhormat.

PMB berpotensi dibangunkan jadi Loji Penapisan Minyak negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Mac. - Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, di sesi Perbahasan Umum Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara mempersoalkan mengenai dengan projek mega yang pernah hangat dibincangkan ketika dulu iaitu projek Pulau Muara Besar

(PMB) di mana difahamkan akan dapat menarik pelabur dari luar negara, di samping dapat memberi peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat Brunei.

Menurut Yang Berhormat, projek PMB yang dirancang oleh kerajaan itu juga dihasratkan bagi menampung atau menambah pendapatan negara agar tidak hanya bergantung kepada sumber minyak dan gas sahaja.

Bagi tujuan itu jelas Yang Berhormat Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) telah melantik konsortium dari Singapura iaitu Sabana bagi menjalankan kajian plan induk PMB yang dibuat pada bulan Oktober tahun 2008.

Di perbahasan itu Yang Berhormat ingin mengetahui status plan induk pembangunan PMB dan adakah dapat disiapkan sebagaimana yang dirancang.

Laporan : Zabaidah Haji Salat

cang, kerana menurut Yang Berhormat, sebuah syarikat tempatan bernama Petro Bru dengan inisiatif sendiri telah menjalankan kajian terperinci mengenai usul membangunkan Loji Penapisan Minyak di negara ini.

Menurut kajian Petro Bru bersama khidmat perunding minyak yang terkemuka di dunia dan dengan kerjasama badan-badan kerajaan dan juga BEDB bahawa Brunei dan PMB berpotensi untuk membangunkan menjadi Loji Penapisan Minyak.

Hasil kajian yang telah dikemukakan kepada kerajaan melalui majlis yang diselenggarakan BEDB itu menurut Yang Berhormat, mempunyai kelebihan yang tertentu, antaranya sebagai pemangkin pemba-

ngunan ekonomi negara, sebagaimana yang pernah dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menggalakkan sektor swasta di negara ini memainkan peranan dalam sama-sama membangun ekonomi negara.

Di samping itu ianya akan dapat memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk negara di negara ini, di mana dianggarkan boleh menampung kira-kira 2000 peluang pekerjaan dan seterusnya menarik pelaburan asing terus melalui usaha sama, khususnya pembangunan projek-projek logi penapisan minyak itu nanti. Dan seterusnya mempercepatkan pertumbuhan tenaga insan melalui teknologi transfer bagi rancangan jangka panjang.

SPN21 BAWA PERUBAHAN BESAR

Dari muka 1

Walau bagaimanapun tambah Yang Berhormat, daripada perbincangannya dengan guru-guru serta ibu bapa, banyak kebaikan

yang dapat dilihat bukan saja bagi kepentingan kanak-kanak tetapi juga menarik minat guru-guru yang mengajar.

Menurutnya, dengan SPN21 akan membawa perubahan

yang besar kepada cara pengajaran dan Kementerian telah pun memulakan pengajian pelajaran baru yang dipercayai akan menimbulkan minat kanak-kanak untuk mengikuti pelajaran masing-masing.

Perbadanan TAIB beri kemudahan menunaikan ibadah haji

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Mac. - Dalam Sesi Permesyuaratan, Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengetengahkan persoalan mengenai urusan-urusan haji di negara ini.

Beliau ingin mengetahui adakah Kementerian Hal Ehwal Ugama telah memikirkan

Laporan :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

untuk menubuhkan Badan Tabung Haji di negara ini, seperti yang terdapat di negara jiran yang mana ianya merupakan sebuah badan yang menguntungkan dan memberikan faedah-faedah yang banyak kepada ahli-ahlinya.

Pada menjawab persoalan tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin menerangkan mengenai Penubuhan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) yang menurutnya adalah menurut Tabung Haji di negara jiran.

Dalam Akta Perbadanan TAIB berhubung dengan urusan haji jelas Yang Berhormat seterusnya, ada menyatakan perlunya menubuhkan satu tabung yang digelar TAIB bagi membolehkan orang ramai me-

nyimpan, melabur untuk menunaikan Fardu Haji ke Mekah.

Dalam kata lain, Perbadanan TAIB jelas Menteri Hal Ehwal Ugama adalah sebuah badan yang memudahkan orang ramai membuat simpanan bagi tujuan haji di mana wang simpanan itu jika mendapat keuntungan akan mendapat dividen dua peratus dan sebelum itu pernah mencapai pengagihan lima peratus dividen.

“Jadi Perbadanan TAIB sebuah badan yang menyimpan dan melabur, di samping mengeluarkan produk-produk halal yang boleh disertai oleh orang-orang Islam dan juga bukan Islam,” tegas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada menjelaskan kewujudan Perbadanan TAIB yang memberikan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menunaikan ibadah haji.

Permohonan anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat untuk berpencen dukacita

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mac. - Permohonan bagi kenaikan tangga gaji dan pencen bagi anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat yang dihidangkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada pihak yang berkenaan adalah dukacita tidak dapat dipertimbangkan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Se-

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar

tia Haji Awang Adnan menegaskan bahawa permohonan yang dihidangkan itu adalah bagi menyokong sepenuhnya supaya anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat akan diberikan pencen sepertimana yang dinikmati oleh Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

dan Jabatan Penjara.

“Walau bagaimanapun pihak Kementerian juga telah menerima jawapan bahawa permohonan tersebut dukacita tidaklah dapat dipertimbangkan,” tegas Yang Berhormat semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor dalam

perbahasan di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara di Dewan Persidangan MMN.

Berpandu kepada Undang-undang Pasukan Bomba, Negara Brunei Darussalam pada tahun 1966, iaitu Bahagian dua, Pertubuhan Tugas-tugas dan Kuasa-kuasa, Syarat-syarat Perkhidmatan Anggota-anggota Pasukan Bomba Bila-

ngan empat, yang menyatakan Undang-undang Berpencen dan Peraturan-peraturan Pencen dan Perintah Am Negara ini, yang sedang berjalan kuat kuasa sesuai setakat mana yang tidak dipersyaratkan di dalamnya atau di dalam Undang-undang ini atau di dalam sebarang peraturan-peraturan yang telah diperbuat di bawah Undang-undang ini akan dikenakan kepada semua anggota.